

01/01/2002

Rakyat diminta jadikan peristiwa 2001 iktibar

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Isnin - Rakyat diajak merenung bersama pelbagai peristiwa suka dan duka yang berlaku sepanjang 2001 untuk dijadikan pengajaran pada tahun baru.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata rakyat juga perlu menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan untuk menghadapi cabaran akan datang, terutama dalam mempertahankan dan mengembangkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Rakyat perlu sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan daya saing supaya Malaysia dapat bersaing dengan negara maju," katanya dalam perutusan Tahun Baru.

Dr Ling yang juga Presiden MCA berharap anggota MCA sentiasa mengutamakan perpaduan dan kestabilan parti serta menumpukan masa dan tenaga untuk merealisasikan agenda politik parti khususnya dalam bidang pendidikan.

Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu pula berazam menyiapkan projek Universiti Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (Aimst) pada 2002.

"Inilah satu daripada resolusi Tahun Baru kami," katanya dalam perutusan sempena Tahun Baru 2002.

Katanya, projek itu selaras dengan matlamat rakyat berketurunan India untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan yang boleh menyesuaikan diri dengan k-Ekonomi.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata kerajaan sudah menunaikan tanggungjawabnya mewujudkan masyarakat berpengetahuan dan MIC wajar melaksanakan projeknya sendiri bagi memenuhi sasaran itu seperti projek Aimst.

Sementara itu, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, dalam perutusannya menggesa rakyat megambil iktibar daripada peristiwa lepas.

"Ketika kita melangkah ke tahun 2002, Malaysia wajar bersedia mengharungi arus perubahan dalam masyarakat global tanpa mengira betapa besar atau berkuasanya kita," katanya.

Beliau berkata, Malaysia tidak lagi boleh bergantung kepada tenaga pekerja mahir dan sumber asli yang banyak yang sebelum ini menjadi senjata keutuhan ekonominya, untuk bersaing dalam mendapatkan pelaburan asing.

Sebaliknya, kata Keng Yaik, yang juga Menteri Perusahaan Utama, negara perlu memberi penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan untuk pertumbuhan ekonomi berkekalan.

"Bagaimanapun kita semua tahu pendidikan saja tidak berguna jika tidak ada kestabilan politik, keharmonian kaum dan tolerasi beragama," katanya.

Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad juga meminta rakyat bersyukur kerana sepanjang tahun 2001 kehidupan rakyat cukup selesa.

"Apa yang berlaku sepanjang tahun ini perlu dijadikan teladan dan kita mesti bersatu-padu menyokong penuh kepimpinan negara dan kerajaan supaya negara terus maju, aman dan damai," katanya.

Beliau turut menyarankan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya meneruskan projek rangsangan ekonomi yang sudah banyak membawa manfaat kepada rakyat.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pula meminta semua pihak memperkukuhkan perpaduan dan sentiasa berwaspada dengan agenda Barat untuk menggugat keharmonian negara ini.

Beliau berharap pemerintahan di negara ini tidak akan mengikut jejak

Amerika Syarikat yang mengambil pendekatan kekerasan bagi menyelesaikan sesuatu isu walaupun tiada bukti kukuh.

Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM) Dr Syed Husin Ali juga mengambil kesempatan mengucapkan tahun baru dan berharap 2002 membawa keamanan, kemakmuran dan keadilan kepada seluruh rakyat.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Datuk Lee Lam Thye, pula berkata rakyat wajar mengimbas semula nilai kemasyarakatan sebagai iktibar menangani pelbagai masalah sosial di negara ini sekarang.

(END)